

Penduduk bantah laluan MRT berhampiran rumah

KUALA LUMPUR – Seramai 69 penduduk di Jalan Pinggir Zaaba, Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) di sini membantah laluan bagi pembinaan My Rapid Transit (MRT) di sepanjang jalan itu yang dikendalikan MRT Corp Sdn. Bhd. (MRT Corp) itu kerana didakwa terlalu dekat dengan rumah mereka.

Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Persatuan Pemilik-Pemilik Rumah Pinggir Zaaba, TTDI, Teoh Chye Tee mendakwa, laluan yang bakal dibina terletak hanya kira-kira 15 meter dari rumah penduduk di kawasan itu dan dikhuatiri mengancam keselamatan mereka.

“Kami kesal dengan kenyataan pihak MRT Corp yang berkeras tidak akan membuat penjarangan semula agar laluan yang bakal dibina ini dialihkan ke kawasan lain yang terletak jauh dari kawasan perumahan ini.

“Kami tidak membantah pembinaan laluan MRT tersebut sebaliknya menolak aliran laluan ini melalui Jalan Pinggir Zaaba ini,” katanya pada sidang akhbar membantah laluan bagi pembinaan MRT di sini semalam.

Menurut Chye Tee, pembinaan laluan itu

juga akan mengganggu kehidupan seharian penduduk di kawasan itu yang majoritinya terdiri daripada pesara dan warga emas.

Malahan, kesihatan mereka juga akan terjejas ekoran daripada pencemaran bunyi dan udara yang akan berlaku semasa dan selepas pembinaan laluan MRT itu siap.

Bukan itu sahaja, Chye Tee turut bimbang nilai semasa bagi kesemua rumah yang terlibat itu mengalami penurunan harga dalam kadar 20 hingga 25 peratus daripada harga asal yang sememangnya merugikan penduduk.

“Kini, nilai semasa bagi satu unit rumah dianggarkan bernilai antara RM1.1 hingga RM1.2 juta.

“Ekoran pembinaan laluan MRT ini kemungkinan besar penduduk sukar untuk menjual semula rumah masing-masing dengan harga yang tinggi,” jelasnya lagi.

Projek MRT itu akan memulakan pembinaannya pada Julai ini dan dijangka siap pada tahun 2016 serta ia bakal memberi kemudahan kepada kira-kira 1.2 juta pengguna.



CHYE TEE (duduk, dua dari kanan) bersama sebahagian penduduk yang membantah laluan bagi pembinaan MRT di Jalan Pinggir Zaaba di Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur semalam.